

Tema Hari Malaysia menyemarakkan semangat perpaduan negara

Tanggal 16 September, negara kita akan menyambut Hari Malaysia Ke-60 di Kuching, Sarawak dengan menyahut tema "Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan". Tema ini membawa pengertian yang cukup bermakna dan tepat pada masa mengambil kira isu polarisasi perkauman yang semakin ketara kini dan mengarah ke haluan yang kurang sihat dicetuskan oleh pelbagai anasir. Jika ia tidak dibendung secepat mungkin, ia akan meninggalkan kesan yang sukar untuk ditangani pada masa akan datang.

Sebagai sebuah negara terletak di jantung Asia Tenggara, Malaysia dikenali sebagai tanah berbilang etnik, budaya, kepercayaan dan agama, hidup berdampingan sekian lama. Di tengah keragaman yang kaya ini, inti pati perpaduan menjadi tekad yang menggerakkan harapan masyarakat untuk masa hadapan yang lebih baik. Konsep "Malaysia Madani" menjelma sebagai prinsip yang mendorong kesepakatan, mengilhami kerjasama antara berbilang etnik dan mewujudkan citra perpaduan negara.

Perpaduan memiliki makna yang mendalam dalam konteks masyarakat. Ia mencerminkan semangat untuk bersatu meskipun ada perbezaan. Perbezaan dalam hal suku, bangsa, agama, budaya, dan pandangan politik sering kali menjadi sumber konflik di setiap sudut dunia. Namun, tekad untuk mengukuhkan perpaduan tetap menjadi jalan yang paling bijak dan mantera untuk menjamin kestabilan negara.

Pada awal pembentukan negara, Malaysia telah dihadapkan pada tugas yang kritikal; yakni menggabungkan pelbagai kelompok etnik merangkumi Melayu, Cina, India, serta pelbagai suku bangsa minoriti Sabah dan Sarawak seperti Kadazan, Dusun, Bajau dan Iban agar menjadi suatu kesatuan yang kukuh dan mantap. Dalam usaha ini, prinsip satu bangsa dan satu negara muncul sebagai landasan untuk mengusung semangat perpaduan dan keharmonian. Tekad untuk membangun "Malaysia Madani" diilhamkan oleh Perdana Menteri mencerminkan kesediaan untuk mengakui, menghargai, dan meraikan keragaman agama, budaya dan wilayah sambil menciptakan ruang bagi semua warga negara untuk berganding bahu dan membanting tulang bersama dalam arus pembangunan dan kemajuan negara.

Salah satu kunci utama dalam usaha memajukan Malaysia Madani dan mengukuhkan perpaduan adalah melalui sistem pendidikan yang holistik. Pendidikan berperanan penting dalam membentuk pandangan positif terhadap keragaman dan meningkatkan pemahaman tentang pelbagai budaya dan latar belakang. Dengan mengintegrasikan unsur-unsur yang merefleksikan pelbagai etnik dalam kurikulum, generasi muda kita dapat menghayati, menghargai nilai-nilai bersama serta menghormati perbezaan yang kita warisi selama ini. Berpegang kepada prinsip dan pedoman Rukun Negara sebagai tonggak utama.

Dalam ruang pembangunan sosioekonomi, konsep perpaduan merupakan elemen konkrit bagi memandu negara ke landasan yang mantap. Melalui kerjasama antara etnik dalam dunia perniagaan dan perindustrian, masyarakat Malaysia berkemampuan untuk membangunkan ekonomi yang kukuh dan berdaya saing jika peluang dan keperluan asas ditawarkan secara adil dan meluas di setiap strata masyarakat merentasi setiap pelosok wilayah. Perkongsian yang seimbang dan inklusif di kedua-dua sektor ini merupakan penawar dalam mencapai masyarakat yang sihat dan progresif.

Tidak dilupakan peranan media sosial dan teknologi dalam mengeratkan perpaduan kaum. Dalam era digital yang semakin pantas dan tanpa batasan, maklumat dan isu-isu yang diketengahkan dan dikongsikan perlu dinilai agar ia membawa pengertian yang bermakna dan berfaedah kepada semua pihak dengan mengambil kira kesan sampingan jika tersalah guna atau disebarkan. Sudah pasti tentangan dan perbalahan akan muncul jika informasi yang disebarkan kurang menyenangkan dalam kalangan mana-mana pihak, yang akhirnya memudaratkan perpaduan negara. Oleh yang demikian, pendekatan yang bijaksana perlu diaplikasikan dalam pengendalian dan kawalan pelbagai media sosial yang semakin meluas kini.

Dalam menghadapi masa depan yang mencabar, "Malaysia Madani" menjadi teras dan pedoman dalam mewujudkan harapan yang lebih baik kepada masyarakat. Tekad perpaduan yang kuat akan membawa negara ini melewati berjenis rintangan dan perbalahan jika kita bersatu. Dengan semangat ini, Malaysia mampu melangkah maju sebagai negara contoh kepada negara-negara lain.

Sebagai kesimpulan, tekad perpaduan bukanlah hal yang mudah. Ia memerlukan usaha dan komitmen yang kukuh serta bersedia untuk mendengar dan belajar dengan sesama lain. Proses ini mungkin melibatkan cabaran dan rintangan, tetapi dengan tekad yang mantap, keberhasilan tercapai kelak akan jauh lebih bererti. Dalam menghadapi pelbagai cabaran global seperti perubahan iklim, ketidakstabilan ekonomi dan ketidaksefahaman kaum serta perbezaan pandangan politik dan agama, tekad perpaduan adalah aset yang tidak ternilai harganya. Dengan bersatu dan bekerjasama, kita dapat mencapai perubahan yang positif dan mewujudkan harapan yang lebih baik bagi generasi akan datang.

Dalam hal ini, setiap individu tanpa mengira latar belakang perlu memainkan peranan yang jitu. Inisiatif kelihatan kecil tetapi bermakna seperti menghormati pandangan, budaya dan kepercayaan orang lain tanpa prasangka perlu diterapkan di semua peringkat. Model ini sudah pasti menyuburkan semangat perpaduan dan membantu mewujudkan harapan untuk masa depan yang lebih baik. **Selamat Hari Malaysia!**

DR. G PERIASAMY
FELO PENYELIDIK KANAN
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

Nama Penuh: Dr. Periasamy Gunasekaran
Jawatan : Felo Penyelidik Kanan
Tempat : Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Telefon : 03-20847322 / 012-3587549
Email : samy@intanbk.intan.my

